

17/05/1997

Malaysia jemput ketua negara hadir sidang Asean

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia akan menjemput ketua kerajaan China, Jepun dan Korea Selatan menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi Asean di Kuala Lumpur, Disember ini.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, menyampaikan perkara itu kepada Presiden China, Jiang Zemin, ketika beliau mengunjungi Jiang di Beijing hari ini.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra, Abdullah yang mengadakan kunjungan hormat ke atas Jiang sempena lawatannya ke negara itu, mengambil peluang memaklumkan kepada Jiang mengenai sidang kemuncak itu yang kedua itu yang diadakan di Kuala Lumpur.

Jika semua ketua kerajaan ketiga-tiga negara itu menerima jemputan Kuala Lumpur, ini bermakna sidang kemuncak tidak rasmi kedua itu akan menjadi medan sulung pertemuan ketua-ketua kerajaan Asean dengan pemimpin utama China, Jepun dan Korea Selatan dalam satu forum.

Pertemuan itu tidak menjadi kenyataan dalam sidang kemuncak tidak rasmi Asean pertama di Jakarta penghujung tahun lalu.

Abdullah berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mengemukakan undangan rasmi kepada Jiang untuk menghadiri sidang itu.

"Malaysia berharap Jiang akan menghadiri sidang berkenaan," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu merakamkan kenyataan Jiang bahawa China sedang membuat persediaan aktif dan mengalu-alukan peranan positif Asean di rantau ini dan arena antarabangsa.

Dalam pertemuan itu juga, Abdullah turut bertukar-tukar pandangan dengan Jiang mengenai teori bahawa China masih lagi dianggap sebagai ancaman.

Jiang menjelaskan, China masih lagi akan menjadi sebuah negara membangun dalam tempoh yang lama.

Beliau menjelaskan China memerlukan keamanan serantau bagi menjayakan proses modenisasi ekonominya.

Jiang memberi jaminan negaranya tidak berhasrat berkonfrontasi dengan mana-mana negara meskipun berjaya dalam pembangunan ekonomi.

Bagi meyakinkan negara antarabangsa, Jiang turut mengungkapkan kata-kata Confucius dalam pertemuan itu.

"Jangan melakukan sesuatu kepada sesiapa jika kita tidak suka perkara itu dilakukan kepada kita," menurut kenyataan itu.

Jiang turut menyatakan penghargaan terhadap hubungan China-Malaysia dan mengalu-alukan lawatan Yang Dipertuan Agong ke negara itu, Julai ini.

(END)